

AKHBAR : BERITA HARIAN
MUKA SURAT : 6
RUANGAN : PILIHANRAYA KECIL

Pembinaan klinik di Semenyih tetap diteruskan

Petaling Jaya: Cadangan pembinaan sebuah lagi klinik kesihatan di Semenyih akan diteruskan biar pun keputusan Pilihan Raya Kecil (PRK) Dewan Undangan Negeri (DUN) Semenyih tidak memihak kepada Pakatan Harapan (PH).

Menteri Kesihatan, Datuk Seri Dr Dzulkefly Ahmad berkata ia perlu direalisasikan bagi memastikan penduduk di kawasan itu mendapat kemudahan perubatan kesihatan yang baik.

"Apa yang disebut oleh calon kami sebelum ini adalah sesuatu yang mustahak memandangkan Klinik Kesihatan di pekan Semenyih dan Beranang sudah uzur dan sesak.

Yakin dapat lokasi tanah, peruntukan
 "Saya yakin kami akan dapat lokasi tanah dan peruntukan daripada kerajaan negeri untuk menjayakan perkara ini," katanya kepada pemberita selepas merasmikan Acara *Run For Rare* di sini, semalam.

Beliau bagaimanapun tidak menetapkan anggaran masa berkaitan pembinaan klinik itu.

Sebelum ini, calon PH, Muhammad Aiman Zainali dilapor menjadikan pembinaan hospital di Semenyih sebagai agenda utama jika menang PRK itu memandangkan ia adalah permasalahan paling banyak diutarakan oleh masyarakat setempat.

Bagaimanapun pada 25 Februari lalu, Dr Dzulkefly mencadangkan pembinaan sebuah lagi klinik kesihatan oleh kerana dua klinik di pekan Semenyih dan Beranang tidak boleh diperluaskan kerana kekangan tempat selain penambahbaikan fasiliti Hospital Kajang, hospital terdekat di Semenyih.

Kelmarin, keputusan PRK DUN Semenyih menyaksikan kemenangan Barisan Nasional (BN) menawan semula kerusi itu selepas calonnya, Zakaria Hanafi memenangi persaingan empat penjuru. **BERNAMA**



Apa yang disebut oleh calon kami sebelum ini

adalah sesuatu yang mustahak memandangkan Klinik Kesihatan di pekan Semenyih dan Beranang sudah uzur dan sesak. Saya yakin kami akan dapat lokasi tanah dan peruntukan daripada kerajaan negeri untuk menjayakan perkara ini"

Dr Dzulkefly Ahmad,
Menteri Kesihatan